

23 MAR 1997

Mahathir-Tol

JALAN ALTERNATIF KEPADA JALAN TOL MUNGKIN TIADA LAGI, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 23 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia mungkin akan hanya mempunyai jalan tol tanpa jalan alternatif atau yang bebas tol tetapi setakat ini kerajaan belum membuat keputusan mengenainya.

"Mungkin satu hari kita tak ada satu jalan melainkan dengan menggunakan (membayar) tol dan jalan alternatif tidak boleh dibina atau tidak ada.

"Pada masa itu, mungkin kita terpaksa mengadakan jalan tol yang tidak ada jalan alternatif...Tetapi itu adalah satu tindakan terakhir," kata beliau ketika ditanya mengenai kenyataan Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu baru-baru ini bahawa peruntukan dalam undang-undang untuk menyediakan jalan alternatif kepada jalan yang membayar tol mungkin "tidak akan timbul lagi".

Ketika bercakap kepada pemberita sekembalinya dari Arab Saudi di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di sini, Dr Mahathir menjelaskan bahawa kerajaan belum membuat keputusan mengenai perkara itu.

"Kita tak ada pendirian apa-apa mengenai perkara itu (setakat ini)," kata beliau.

Dr Mahathir berkata beliau tidak dapat menjamin bahawa di masa hadapan oleh kerana sebab-sebab tertentu, kerajaan tidak dapat elak daripada membina jalan-jalan (yang mengenakan tol).

"Kalau kita nak bina jalan yang selesa, tapi tak nak dikenakan tol, kosnya terlalu tinggi. Kita semua nak jalan yang baik tetapi kita tak mahu bayar, susah juga," kata beliau.

Dr Mahathir berkata bahawa ramai orang tidak memahami bahawa "sebenarnya tol ini mengurangkan kos".

"Kalau kita guna jalan alternatif, jalannya tak elok dan kita dapati jalan itu lebih panjang dan kerosakan pada kenderaan lebih tinggi. Banyak orang tak ambil kira yang ini," kata beliau.

Menurutnya lebuhraya memendekkan masa perjalanan dan selamat serta lebih selesa.

"Jadi kita dapat banyak manfaat. Walaupun kita bayar tol, tetapi tol yang kita bayar itu lebih kurang sama dengan kerugian kita kalau guna jalan alternatif," kata beliau.

Dr Mahathir berkata masih wujud lagi jalan alternatif kepada jalan-jalan yang membayar tol seperti dari Seremban ke Klang dan dari Klang ke Kuala Lumpur.

Bagaimanapun, beliau berkata ada jalan-jalan alternatif yang sukar dilalui seperti melalui estet dan jalan-jalan ini berliku-liku dan lebih jauh.

Dr Mahathir berkata kini ramai orang menggunakan jalan yang mempunyai tol kerana ia cepat dan selesa.

"(Mereka) tak soal nak cari jalan alternatif melainkan yang degil sahajalah yang tak nak bayar. Dia buat macam-macam angkara. Ada sesetengah itu tak mahu langsung bayar sampai pergi mahkamah," kata beliau.

Ketika ditanya sama ada cukai jalan akan dihapuskan jika tidak ada jalan alternatif kepada jalan tol, Perdana Menteri berkata: "Ia soal lain kerana kita bagi khidmat lain kepada pemilik kereta". --BERNAMA

ES MAI